

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PENTAKSIRAN AKHIR
SESI II: 2022/ 2023**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 10193
APLIKASI KOMPUTER PERNIAGAAN**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini perlu diedar mengikut Jadual Waktu Penilaian Akhir.
2. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** bahagian iaitu **Bahagian A**.
3. Jawab **SEMUA** soalan di bahagian A.
4. Mini Projek ini dilaksanakan secara individu serta menyumbang 30% daripada jumlah markah kursus berkenaan dan akan dinilai berdasarkan kepada **SENARAI SEMAK** yang dilampirkan.

Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A

[100 markah]

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

Anda merupakan pemilik kepada Syarikat MZ Kencana Sdn. Bhd. yang telah memulakan perniagaan minyak wangi berjenama BRANCO dan berhasrat untuk memohon pembiayaan kewangan daripada Skim Pembiayaan TEKUN Nasional.

- a) Anda dikehendaki mengubah format dokumen Ringkasan Eksekutif yang **CLO 2** disediakan di Lampiran A dengan menggunakan **Google Docs**. Namakan dokumen tersebut seperti berikut:

Ringkasan Eksekutif_No.Matrik

Dokumen perlu diubah mengikut format yang berikut:

- a. *Alignment: Justify*
- b. *Line spacing: 1.5*
- c. *Orientation: Potrait*
- d. Saiz kertas: A4
- e. *Margin: Top 1, Bottom 1, Left 1, Right 1*
- f. Tulisan: Arial, 12pt

- b) Anda dikehendaki mengubah format dokumen Senarai Keperluan Kewangan perniagaan yang disediakan di Lampiran B dengan menggunakan **Google Sheets**. Namakan dokumen tersebut seperti berikut:

Keperluan Kewangan_No.Matrik

Pengiraan **Jumlah (RM)** setiap keperluan kewangan dan **JUMLAH KESELURUHAN** haruslah menggunakan formula yang terdapat dalam aplikasi **Google Sheets**. Markah tidak diberi jika pengiraan dilakukan secara manual.

- c) Anda dikehendaki menyediakan slaid pembentangan latar belakang perniagaan menggunakan **Google Slides**. Namakan dokumen tersebut seperti berikut:

Latar Belakang_No.Matrik

Isi kandungan persembahan:

- a. Muka depan – Nama syarikat: MZ Kencana
 - b. Latar belakang rakan kongsi
 - i. Nama
 - ii. Jawatan
 - iii. Nombor telefon
- d) i. Anda dikehendaki mencipta borang maklumbalas dan pertanyaan mengenai perniagaan anda menggunakan **Google Forms** seperti di Lampiran C. Namakan dokumen tersebut seperti berikut:

Borang Maklumbalas_No.Matrik

Maklumat di *Google Forms* perlu mempunyai perkara berikut:

- a. Tajuk: Borang Maklumbalas / Pertanyaan
 - b. Nama
 - c. Nombor telefon
 - d. E-mel
 - e. Maklumbalas / Pertanyaan
- ii. Anda dikehendaki mencipta QR code bagi borang maklumbalas dan pertanyaan tersebut.

- e) Anda dikehendaki merekabentuk satu (1) kad perniagaan anda menggunakan **Canva**. Namakan dokumen tersebut seperti berikut:

Kad Perniagaan_No.Matrik

Maklumat kad perniagaan perlu mempunyai perkara berikut:

- a. Nama pemilik
 - b. Nama perniagaan
 - c. Maklumat perniagaan (Logo/lokasi/produk/perkhidmatan/waktu operasi)
 - d. Nombor untuk dihubungi
 - e. E-mel
 - f. Media sosial (*Facebook/Instagram/Tiktok*)
 - g. QR code borang maklumbalas dan pertanyaan
- f) Pelajar perlu menghantar link capaian untuk semua tugas di atas di dalam *Google Sheets* yang telah disediakan oleh pensyarah.

SOALAN TAMAT

Selamat Menjawab

RINGKASAN EKSEKUTIF

Ringkasan rancangan perniagaan ini disediakan untuk cadangan pembiayaan syarikat MZ Kencana. Syarikat ini menjalankan perniagaan minyak wangi iaitu BRANCO. MZ Kencana telah memasarkan minyak wangi bersaiz kecil yang diinspirasikan daripada minyak wangi bertaraf antarabangsa. Misi MZ Kencana adalah untuk mengeluarkan produk minyak wangi yang mengikuti citarasa pengguna. Mengeluarkan produk minyak wangi yang bermutu dan berkualiti serta menjadikannya pilihan utama di Malaysia.

MZ Kencana menjalankan perniagaan secara Perkongsian. Perniagaan ini akan diuruskan sepenuhnya oleh 4 orang rakan kongsi. Perniagaan MZ Kencana memerlukan pinjaman sebanyak RM 53,400.00 dari TEKUN untuk memulakan perniagaan ini.

Sasaran pasaran MZ Kencana tertumpu di Bandar Kajang, Bangi dan juga Putrajaya dimana ia merangkumi Kawasan seluas 30 kilometer radius. Jumlah penduduk di kawasan Kajang adalah kira-kira 80,210 orang, manakala jumlah penduduk di kawasan Bangi adalah kira-kira 40,100 orang. Penduduk yang tinggal di sekitar Bandar Putrajaya pula adalah kira-kira 50,345 orang. Jumlah kesemua adalah kira-kira 170,655 penduduk. Diandaikan bulan pertama operasi, 10% dari penduduk kawasan sasaran akan membeli dengan MZ Kencana.

	A	B	C	D	E	F
1						
2						
3		SENARAI KEPERLUAN KEWANGAN				
4	Perkara	Bulan Pertama (RM)	Bulan Kedua (RM)	Bulan Ketiga (RM)	Jumlah (RM)	
5	Gaji Kakitangan Pengurusan	4,000.00	4,000.00	4,000.00	12,000.00	
6	Caruman KWSP dan PERKESO	1,700.00	1,700.00	1,700.00	5,100.00	
7	Bil Utiliti	1,100.00	1,100.00	1,100.00	3,300.00	
8	Alat Tulis	200.00	200.00	200.00	600.00	
9	Tuntutan Perjalanan	800.00	800.00	800.00	2,400.00	
10	Kos Penyelenggaraan	2,500.00	2,500.00	2,500.00	7,500.00	
11	Kenderaan	2,000.00	2,000.00	2,000.00	6,000.00	
12	Promosi	3,500.00	3,500.00	3,500.00	10,500.00	
13	Insurans	2,000.00	2,000.00	2,000.00	6,000.00	
14			JUMLAH KESELURUHAN		53,400.00	
15						
16						

BORANG MAKLUMBALAS / PERTANYAAN



(not shared) [Switch account](#)



*** Required**

Nama *

Your answer

Nombor Telefon *

Your answer

E-mel *

Your answer

Maklumbalas / Pertanyaan *

Your answer

Submit

[Clear form](#)

Never submit passwords through Google Forms.

This content is neither created nor endorsed by Google. [Report Abuse](#) - [Terms of Service](#) - [Privacy Policy](#)